

KERTAS KERJA


ADAT ISTADAT RAYA NEGERI SEMBILAN DARI SEGI PERSPEKTIF SEJARAH

OLEH :

DATO' HAJI SUDIN BIN KAMARI
PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN
MERANGKAP
NAIB YANG DIPERTUA PERSATUAN SEJARAH
MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

DIBENTANGKAN:

DI SEMINAR PEMURNIAN INSTITUSI DATO'-DATO' ADAT
ISTANA BESAR SERI MENANTI
PADA
25 - 29 OKTOBER, 1999
DI RESORT SERI MENANTI,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



MUKADIMAH

Tujuan pembentangan kertas kerja ini ialah:-

- Meninjau kewujudan adat istiadat di raja dari segi sejarahnya
- Melihat kepentingan adat istiadat di raja dan pemakaiannya
- Memberi pandangan betapa pentingnya adat istiadat ini dikekalkan demi kepentingan budaya bangsa.

Adalah diharapkan kertas kerja ini akan memberi gambaran sebenar akan asal usul adat dan kewujudan adat istiadat diraja ini dan tidak lagi menimbulkan keraguan di kalangan orang ramai. Adat istiadat adalah sesuatu yang harus dijaga demi kepentingan maruah dan kedaulatan bangsa, keadaannya tidak statik, boleh diubahsuai mengikut peredaran zaman. Institusi raja, khususnya Raja-Raja Melayu adalah satu institusi yang telah lama wujud sebelum kerajaan Melayu Melaka dahulu dan ianya adalah sesuatu yang unik dan amat menarik sekali. Di dunia ini, hanya di Malaysia dan di Negeri Berunai Darussalam sahaja yang masih mengekalkan insituti Raja Melayu.

PENGENALAN – SUMBER RUJUKAN

Untuk mengetahui sejarah asal adat kebesaran Raja-Raja Melayu amatlah sukar dan rumit. Salah satu sumber rujukan yang ada pada masa kini ialah Sejarah Melayu atau Sulalatus Salatin.¹ Kitab Sejarah Melayu ini sering dipertikaikan oleh ahli-ahli sejarah terutama sekali oleh penulis-penulis Barat kerana ianya tidak menepati sebagai sebuah hasilan sejarah. Sejarah mengikut pengertian masa kini ialah suatu sains (ilmiah) yang mengkaji peristiwa-peristiwa masa silam dengan berdasarkan butir-butir kenyataan yang sebenar-benarnya demi kepentingan pengetahuan manusia. Namun begitu kitab ini telah diterima umum sebagai kitab agung pensejarahan Melayu lama yang boleh bertahan sehingga kini dan banyak butir sejarah yang terdapat di dalamnya masih boleh dipertahankan. C.C. Brown pernah menyatakan Sejarah Melayu "to be the finest literary work in Malay".² Kitab Sejarah Melayu di katakan sebuah histotiografi (histotigraphy) Melayu, sama pentingnya dengan Tuhfatul Nafis "Salasilah Melayu dan Bugis" Histotiografi bermaksud penulisan sejarah berdasarkan latar belakang kebudayaan sesuatu bangsa yang diperolehi dari bahan-bahan tertulis, yang didapati baik yang mengandungi fakta-fakta sejarah sebagaimana kita faham hari ini tidak kita perolehi, maka terpaksa kita menggunakan bahan-bahan bertulis yang bercorak sejarah. Dalam hal yang demikian maka kita sekurang-kurangnya dapat meraba-raba dalam menulis semula sejarah tanah air kita dengan harapan bahawa kita akan mencapai satu penerangan tentang sejarah tanah air kita dalam erti kata yang seobjektif-objektifnya.

ASAL USUL RAJA-RAJA MELAYU

Mengikut Sejarah Melayu asal usul Raja-Raja Melayu dan juga Raja Minangkabau adalah dari keturunan Iskandar Zulkarnain (Alexander The Great) tahun 356-323 Sebelum Masihi yang memerintah Egypt (Mesir Purba) dan mengasaskan bandar Iskandariah. Walaupun terdapat unsur-unsur mitos dimasukkan sehingga melahirkan jurai keturunan tiga orang tokoh bernama Nila Pahlawan, Krisyna Pendita dan Nila Utama yang pada suatu malam turun di Bukit Siguntang di bumi Palembang di tempat Wan Empuk dan Wan Malini menanam padi huma, namun ketokohan Iskandar Zulkarnain dan nama-nama tempat yang disebutkan tetap wujud dalam sejarah dunia dan ini membuatkan kita sedikit sebanyak yakin terhadap peristiwa yang berlaku. Diringkaskan cerita, Demang Lebar Daun yang menjadi Raja Palembang. Pada masa itu amat tertarik dengan tiga orang anak raja itu dan berita tersebut telah tersebar ke merata tempat. Akhirnya Nila Pahlawan yang bergelar Sang Si Perba telah dihantar untuk menjadi raja di Minangkabau atas jemputan Patih Suatang, Pembesar Minangkabau pada masa itu. Krisyna Pendita pula dirajakan di Tanjung Pura setelah raja negeri itu mangkat dan Nila Utama pula kekal dirajakan di Palembang dengan gelaran Seri Teri Buana.

Mengikut Sejarah Melayu lagi, Demang Lebar Daunlah yang meletakkan asas-asas kerajaan Melayu dan beliaulah orang yang pertama membahaskan dirinya **patik** dan menggunakan **baginda**

dan bertuanku apabila berbahasa dengan Seri Teri Buana dan juga memberi gelaran **Duli Yang Maha Mulia** kepada raja.

Satu peristiwa yang amat penting berlaku dalam sejarah iaitu apabila Seri Teri Buana hendak beristeri. Ramai anak raja di Palembang telah diperisteri oleh Seri Teri Buana tetapi pada keesokan harinya isterinya mengalami sakit ganjil iaitu menjadi kedal. Akhirnya hanya terdapat seorang saja lagi anak gadis di Palembang iaitu anak Demang Lebar Daun sendiri. Sebagai ayah tentulah Demang Lebar Daun berasa gusar jika sesuatu berlaku kepada anaknya sendiri. Di sini berlakulah satu perjanjian antara Seri Teri Buana sebagai mewakili raja dan Demang Lebar Daun sebagai mewakili rakyat, sebagai yang diturunkan seperti berikut;

Maka sembah Demang Lebar Daun, "Sungguh tuanku seperti khabar orang itu; jikalau tuanku berkehendakkan patik itu, patik sembahkan, namun mahu duli tuanku berjanji dahulu dengan patik. Maka sembah Demang Lebar Daun, " Apa janji paman hendak diperjanjikan dengan hamba itu? Katakan oleh paman hamba dengar." Maka sembah Demang Lebar Daun, "Barang maklum duli tuanku Yang Maha Mulia, jikalau anak patik telah terambil ke bawah duli, jikalau ia kena penyakit seperti patik-patik yang lain, telah maklum ke bawah duli tuanku itu, jikalau ada ampun kurnia Duli Yang Maha Mulia, janganlah tuanku dikeluarkan dari bawah istana tuanku. Biarlah ia menjadi gembala dapur Yang Maha Mulia, dan menyapu sampah di

bawah peraduan duli tuanku. Seperkara lagi, perjanjian patik mohonkan anugerah ke bawah Duli Yang Maha Mulia, segala hamba Melayu jikalau ada dosanya ke bawah duli, patik pohonkan jangan ia difadihatkan, dinista yang keji-keji, jikalau patut pada hukum syarak bunuh, tuanku; jangan duli tuanku aibi."

Maka titah Seri Teri Buana, "Kabullah hamba akan janji paman itu; tetapi hamba pun hendak minta janji juga pada paman." Maka sembah Demang Lebar Daun, "Janji yang mana itu, patik pohonkan titah Duli Yang Maha Mulia." Maka titah Seri Teri Buana, "Hendaklah oleh segala anak cucu hamba, jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim jahat pekertinya, jangan segala hamba Melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi, jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga takluk negerinya juga."

Maka sembah Demang Lebar Daun, "Baiklah tuanku, tetapi jikalau anak cucu duli tuanku dahulu mengubahkan, anak cucu patik pun berubahlah tuanku." Maka titah Seri Teri Buana, "Baiklah paman, kabullah hamba akan waad itu. Maka baginda pun bersumpah-sumpuhanlah dengan Demang Lebar Daun. Titah baginda, "Barang siapa hamba Melayu derhaka mengubahkan perjanjiannya, dibalikkan Allah bumbungan rumahnya ke bawah kaki ke atas ." Maka sembah Demang Lebar Daun, "jikalau raja Melayu itu mengubahkan perjanjian

dengan hamba Melayu, dibinasakan Allah negerinya dan takhta kerajaannya." Itulah dianugerahkan Allah subhanahuwa taala pada segala raja-raja Melayu, tiada pernah memberi aib kepada segala hamba Melayu, jikalau sebagaimana sekalipun besar dosanya, tiada diikat dan digantung difadiahkankan dengan kata-kata yang keji hingga sampai pada hukum mati, dibunuhnya. Jikalau ada seorang raja-raja Melayu itu memberi aib seseorang hamba Melayu, alamat negerinya akan binasa.³

Perjanjian ini merupakan sesuatu yang amat penting dan banyak meninggalkan kesan dalam perjalanan sejarah negara khususnya yang melibatkan institusi raja. Peristiwa pembunuhan Tun Jana Khatib oleh Paduka Seri Maharaja dan juga pembunuhan seorang budak yang memberi idea semasa Singapura dilanggar todak adalah episod yang menyayat hati yang menunjukkan ketiadaan persefahaman dan pertentangan terhadap perjanjian dan taat setia tersebut. Peristiwa ini sampai ke kemuncaknya semasa pemerintahan Raja Iskandar Syah, apabila Sang Rajuna Tapa melakukan pengkhianatan kerana menuntut bela di atas kematian anaknya yang dibunuh oleh raja. Singapura dapat dialahkan oleh Majapahit dari Jawa dan akibatnya "..... tiba-tiba rangkiang beras itupun terbalik, jatuh ke parit, kaki tiangnya ke atas dan bumbungnya ke bawah, Sang Rajuna Tapa pun jatuh tersungkur di tengah parit itu, laki bini menjadi batu ada datang sekarang dengan beras itu."⁴ Raja Iskandar Syah pula terpaksa bersusah payah melarikan diri dan akhirnya membuka negeri Melaka.

Satu peristiwa yang sangat penting yang patut dijadikan iktibar ialah peristiwa Tun Besar anak Bendahara Paduka Raja, dibunuh oleh Raja Muhammad, anak Sultan Mansur Syah, semasa Tun Besar dan rakan-rakannya bermain sepak raga. Peristiwa ini hampir mencetuskan pergaduhan atau penderhakaan tetapi Bendahara yang bijak itu telah berjaya menyelesaikan perkara tersebut walaupun yang terbunuh adalah anak kesayangannya sendiri. Lihatlah petikan kata-kata Bendahara: "Hei! Hei! Hendak derhakakah ke bukit? Hendak derhakakah ke bukit? Nyiah! Nyiah! Kamu semua; Nyiah! Kerana istiadat hamba Melayu tidak pernah derhaka. Tetapi akan anak raja seorang ini, janganlah kita pertuan".⁵ Kesan daripada peristiwa ini Raja Muhammad, juga anak kesayangan Sultan Mansur Syah dibuang ke Pahang dan dirajakan di Pahang.

Tetapi peristiwa yang paling besar dan bersejarah berlaku pada masa pemerintahan Sultan Mahmud Shah, Sultan Melaka yang terakhir. Banyak konflik, penganiayaan dan ketidakadilan berlaku seolah-olah mereka melupai perjanjian yang telah dibuat oleh datuk nenek moyang mereka dahulu. Kesannya, Melaka ditakluk oleh Portugis dan keseluruhan kesultanan Melayu Melaka lenyap dari muka bumi selama-lamanya!

Asal Usul Negeri Sembilan

Umum mengetahui bahawa nama asal Negeri Sembilan ialah gabungan dari sembilan luak atau daerah atau negeri yang ditadbir oleh Penghulu masing-masing. Gabungan ini adalah satu gabungan yang longgar yang didasarkan kepada persefahaman, kesamaan adat resam dan keturunan dan bukanlah satu usaha ke arah pemusatan kuasa dan pentadbiran. Menurut Prof. Khoo Kay Kim, sembilan daerah/luak, negeri ini kesemuanya diduduki oleh orang-orang Minangkabau iaitu terdiri dari : Naning, Rembau, sungai Ujung, Jelebu, Kelang, Johol, Segamat, Pasir Besar dan Jelai/Hulu Pahang. Gabungan daerah/luak/negeri inilah yang membentuk nama Negeri Sembilan.⁶ Maksud diduduki oleh orang-orang Minangkabau ialah tempat-tempat tersebut telah ada perkampungan intergrasi orang-orang Minangkabau dengan penduduk-penduduk tempatan (suku Jakun) dan asas-asas sistem sosial seperti Penghulu dan sebagainya.

Tan Seri Dato' Abdul Samad Idris ⁷ memberi cerita yang amat menarik tentang asal usul nama Negeri Sembilan ini. Mengikutnya, apabila Raja Melewar ditabalkan di Penajis, dalam titah baginda selepas ditabalkan baginda telah bertanya kepada penghulu-penghulu yang hadir apakah nama negeri yang baginda memerintah itu kerana seseorang raja yang ditabalkan itu mesti ada negerinya. Tidak seorang pun yang hadir menjawab dan baginda terus bertanyakan berapa ramaikah penghulu luak yang hadir mengadap pada hari itu. Datuk Kelana Sungai Ujung telah menjawab ada sembilan luak yang

hadir mengadap dan luak-luak itu sama tarafnya dengan luak di Minangkabau. Baginda lantas menamakan negeri baru itu Negeri Sembilan sempena bilangan penghulu luak yang mengadap dan sembilan luak itu terdiri dari : Sungai Ujung, Jelebu, Johol dan Inas, rembau, Tampin, Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir. Bagaimanapun, apabila Perlembagaan Negeri dikanunkan pada tahun 1895, daerah-daerah seperti Segamat diberikan kepada Johor, Kelang kepada Selangor, Hulu Pahang kepada Pahang menjadikan daerah Negeri Sembilan tinggal enam sahaja iaitu Rembau, Tampin, Seremban (Sungai Ujung), Jelebu, Kuala Pilah dan Port Dickson.

Asal-Usul Raja-Raja Negeri Sembilan

Raja Melewar memang telah diakui sebagai pengasas raja-raja di Negeri Sembilan. Kedatangan Raja Melewar adalah hasil usaha Penghulu-penghulu Luak Negeri Sembilan yang ingin mendapatkan seorang raja dari Minangkabau kerana wilayah Negeri Sembilan ketika itu sedang diancam oleh orang-orang Bugis. Nama Raja Melewar yang sebenar ialah Sultan Mahmud Shah ibni Al-Sultan Abdul Jalil Muadzam Shah berasal dari anak raja Pagarruyung, Minangkabau. Ayahandanya ialah Tuanku Yang Dipertuan Sultan Abdul Jalil Johan Berdaulat Raja Alam Minangkabau (1719-1780). Raja Mahmud setelah dipilih untuk dihantar sebagai raja di Negeri Sembilan terpaksa menjalani beberapa ujian dan latihan. Ujian tersebut berupa ujian fizikal (termasuk bermain senjata) dan ujian

kebatinan dari daulat Pagarruyung. Dalam hal ini, Raja Mahmud terpaksa tidur semalaman di atas batu kasur beralaskan daun jelatang niru di bawah seponon beringin tiga sakti di Gudang Balai Janggo, Kota Pagarruyung di bawah Bukit Batu patah dengan penuh adat istiadat diraja. Semasa berlepas, ayahandanya membekalkan sehelai rambut gombak (rambut panjang dan masih tersimpan di Istana Lama Seri Menanti menjadi salah satu kebesaran kerajaan Negeri Sembilan dan ia dikenali dengan nama 'Rambut Sehelai Sebatil' dari kepala baginda sendiri.⁸ Setelah melalui perjalanan yang lama, baginda ditabalkan menjadi Raja di Penajis dan kemudian bertakhta di Seri Menanti. Setelah bertakhtanya Raja Melewar di Negeri Sembilan, putuslah hubungan dengan Kerajaan Johor yang menurut perbilangan BERAJA KE JOHOR dan bermulalah perbilangan BERTUAN KE MINANGKABAU yang menandakan Raja yang didatangkan dari Pagarruyung itu diterima oleh penduduk Negeri Sembilan.

Namun begitu perjalanan Raja Melewar dari Pagarruyung sehingga ditakhtakan di Seri Menanti bukanlah sesuatu yang mudah. Raja Melewar menghadapi pelbagai rintangan kerana keinginan pihak-pihak tertentu terutamanya orang-orang Bugis untuk menguasai Negeri Sembilan. Raja Kecil pernah mengutus Raja Khatib untuk mengalahkan Raja Melewar dan Raja Khatib hampir-hampir berjaya menguasai Seri Menanti, Johor dan Tampin. Tetapi dalam serangan balas Raja Melewar, Raja Khatib tewas, kemudian diberkas oleh orang-orang Belanda dan dihantar balik ke Siak pada bulan Februari 1728.

Watak raja Khatib dalam sejarah Negeri Sembilan juga adalah amat penting. Dalam satu versi yang lain, digambarkan bahawa sebelum kedatangan Raja Melewar ke Negeri Sembilan, seorang kerabat diraja Minangkabau bernama Raja Khatib telah diutuskan ke Seri Menanti untuk membuat persediaan menyambut kedatangan Raja Melewar. Raja Khatib sampai ke Seri Menanti dan disambut baik oleh Penghulu Ulu Muar, Penghulu Naam bin Khatib Akil. Kemudian Raja Khatib berkahwin dengan anak Penghulu Naam lalu menisytiharkan dirinya raja. Setelah Raja Melewar ditabalkan di Penajis dan mendapat khabar bahawa Raja Khatib belot, baginda pun menyerang Seri Menanti. Perjalanan Raja Melewar ke Seri Menanti sering terhalang oleh serangan angkatan Raja Khatib. Penghulu Naam telah bangun menentang Raja Melewar dan mempertahankan Raja Khatib. Kerana menyedari kesalahannya, Raja Khatib telah lari di mana akhirnya Penghulu Naam berseorangan menentang Raja Melewar. Penghulu Naam akhirnya tewas dan dihukum pancung.

Apabila Raja Melewar mangkat, puteranya Raja Totok hasil perkahwinannya dengan anak Penghulu Naam tidak ditabalkan menggantikan baginda, sebaliknya penghulu-penghulu di Negeri Sembilan menjemput seorang lagi putera bernama Raja Hitam. Setelah Raja Hitam mangkat pada tahun 1808, puteranya Raja Alang Hussein tidak juga ditabalkan menjadi raja.

Sekali lagi pembesar-pembesar Negeri Sembilan menjemput anak raja Minangkabau untuk dirajakan di Negeri Sembilan. Raja Lenggang seorang putera raja di Pagarruyung telah dirajakan menaiki

tahta kerajaan Negeri Sembilan dari tahun 1808 hingga 1824. Setelah Raja Lenggang mangkat, pembesar-pembesar Negeri Sembilan tidak lagi menjemput anak raja dari Pagarruyung untuk menjadi raja di Negeri Sembilan, sebaliknya putera Yamtuan Lenggang, Raja Radin telah ditabalkan menjadi raja bagi menggantikan ayahandanya. Setelah itu berakhirlah penjemputan anak-anak raja dari Minangkabau menjadi raja di Negeri Sembilan. Tidaklah diketahui dengan jelas kenapa putera-putera Raja Melewar dan Raja Hitam tidak dirajakan oleh pembesar-pembesar Negeri Sembilan tetapi sebaliknya menjemput anak-anak raja dari Minangkabau menjadi raja. Kemungkinan putera-putera Raja Melewar dan Raja Hitam masih kecil dan belum patut menjadi raja.

Berbalik kepada fakta sejarah, mengikut sejarah, Raja Melewar mula menjadi raja pada tahun 1721 dan mangkat pada tahun 1748. Manakala pendapat umum mengatakan Raja Melewar menjadi raja pada tahun 1773 dan mangkat pada 1795 sebelum digantikan oleh Raja Hitam 1795-1808. Ahli-ahli sejarah yang membuat kajian terhadap sejarah negeri sembilan belum mencapai kata sepakat tentang tarikh ini.

Tempoh antara 1748 (tarikh mangkat Raja Melewar) hingga 1795 (tarikh Raja Hitam dilantik sebagai Yamtuan Seri Menanti) iaitu selama 47 tahun, besar kemungkinan Yamtuan Besar Seri Menanti tidak diisi memandangkan pergolakan yang berlaku di Rembau dan Rembau hampir dikuasai oleh orang Bugis pada pertengahan abad ke-18.⁹ Pada masa itu di Rembau dalam tahun 1770-an dan 1780-an

terdapat seorang yang bergelar Yang Dipertuan Muda Rembau bernama Raja Adil. Tarikh ketibaan Raja Adil ke Rembau tidak begitu jelas. Raja Adil meninggal pada tahun 1778 dan diganti oleh puteranya Raja Asli juga sebagai Yang Dipertuan Muda Rembau dan mangkat pada tahun 1795 atau 1796. Raja Hitam yang diangkat sebagai Yamtuan Seri Menanti pada tahun 1795 ialah ipar kepada Raja Asli. Selepas Raja Asli, Yang Dipertuan Muda Rembau digantikan oleh Raja Ali, cucu Yamtuan Hitam.

Selepas kemangkatan Yam Tuan Lenggang, memang ada lagi anak raja Pagarruyung yang dijemput bernama Raja Labu tetapi Raja Labu ini dicabar oleh Raja Ali dan Raja Radin, anak Yamtuan Lenggang. Pakatan Raja Ali dan Raja Radin memaksa Raja Labu kembali ke Pagarruyung pada tahun 1832. Dengan sokongan pembesar-pembesar Rembau, Raja Ali ditabalkan sebagai Yamtuan Seri Menanti tetapi dicabar oleh Raja Radin. Akibatnya berlaku persaingan untuk merebut jawatan yang akhirnya membawa kemenangan kepada Raja Radin. Raja Ali diusir dan terpaksa berpindah ke Lukut, kemudian ke Tampin dan akhirnya ke Keru dan mangkat pada tahun 1856.

Yamtuan Radin mangkat pada tahun 1861 dan sekali lagi kekacauan berlaku dan pembesar-pembesar tekah melantik adik kepada Yamtuan Radin bernama Raja Imam untuk menjadi Yamtuan Seri Menanti. Yamtuan Imam mangkat pada tahun 1869 dan pertelingkahan perebutan jawatan seterusnya tidak dapat dielakkan

dan kelihatan pada waktu itu persekutuan negeri-negeri yang membentuk Negeri Sembilan seolah-olah bubar dan berpecah-belah.

Perpecahan ini timbul akibat perbalahan untuk merebut jawatan. Di Rembau, perbalahan berlaku pada tahun 1872 apabila Datuk Penghulu Rembau meninggal dan dua calon bersaing untuk merebut jawatan iaitu Haji Mustapha dan Haji Sahil. Di Sungai Ujung, pertelingkahan berlaku antara Datuk Kelana Sungai Ujung, Sayid Abdul Rahman dan Datuk Bandar, akibat perebutan kawasan lombong.

Di Seri Menanti, pembesar-pembesar telah tidak bersetuju melantik Tengku Ahmad Tunggal, putera Yamtuan Imam sebagai penggantinya kerana kelakuan Tengku Ahmad Tunggal dikatakan tidak begitu menyenangkan. Tengku Ahmad Tunggal telah lari ke Sungai Ujung menemui Datuk Kelana Syed Abdul Rahman dan berlakulah krisis perebutan takhta di Negeri Sembilan. Bagaimanapun, ketika krisis ini memuncak, Tengku Ampuan Intan, Puteri Tengku Alang Hussein, cucu Yamtuan Hitam telah dilantik memangku takhta Yamtuan Seri Menanti selama 3 tahun 1869-1872, sementara menunggu redanya krisis menuntut takhta oleh Tunku Ahmad Tunggal. Pada tahun 1872, pembesar-pembesar Negeri Sembilan telah mengambil keputusan melantik Tunku Laksamana Antah, putera Raja Radin atau sepupu Tengku Ahmad Tunggal menjadi Yamtuan Seri Menanti pada tahun 1872.

Pada tahun 1874, akibat ancaman daripada Datuk Bandar, Datuk Kelana Sayid Abdul Rahman telah bersetuju menerima Inggeris campurtangan di Sungai Ujung dan Bendera British dikibarkan di Sungai Ujung. Yamtuan Antah menentang dan pertempuran berlaku antara pihak British dengan sokongan orang-orang Datuk Kelana dengan Tuanku Antah di Bukit Putus. Peperangan ini dikenali sebagai Perang Bukit Putus.

Oleh kerana peralatan Yamtuan antah tidak lengkap, angkatan Yamtuan Antah telah dapat dikalahkan dalam tahun 1874. Istana Yamtuan telah dibakar dan banyak juga rumah rakyat yang dibakar. Yamtuan Antah telah lari bersama pengikut-pengikutnya mengadap Sultan Johor dan Gabenor Inggeris di Singapura. Yamtuan Antah mengadu kepada Sultan Johor dan Gabenor Negeri-Negeri Selat di Singapura akan kisah peperangan yang berlaku dan menuntut kembali takhta kerajaan Negeri Sembilan seperti yang dipegang sebelumnya. Yamtuan Antah mendakwa campurtangan Inggerislah yang menyebabkan ia kalah. Gabenor Inggeris tidak bersetuju tetapi pihak Inggeris terpaksa mengakui bahawa Tuanku Antah tetap mempunyai sokongan yang kuat di Seri Menanti. Pada tahun 1876, British mengakui Yamtuan Antah sebagai Yamtuan Seri Menanti dan kawasan yang diperintah oleh Yamtuan Antah pada masa itu menjadi kecil terdiri daripada Seri Menanti, Terachi, Hulu Muar, Inas, Gunung Pasir dan Jempol sementara Sungai Ujung, Jelebu dan Rembau terkeluar daripada gabungan pemerintahan Yamtuan Antah.

Yamtuan Antah telah menjadi Yamtuan Seri Menanti dari tahun 1872 hingga 1888. Setelah baginda mangkat, baginda digantikan oleh puteranya, Tengku Besar Muhammad yang bergelar Yang Dipertuan Besar Tuanku Muhammad Shah.

Tuanku Muhammad Shah memerintah dari tahun 1888 – 1933 dan kemudian digantikan oleh Tuanku Abdul Rahman dari 3 Ogos 1933 hingga 1 April 1960. Baginda kemudian digantikan oleh Tuanku Munawir dari 5 April 1960 hingga 14 April 1967 apabila baginda pula digantikan oleh Tuanku Jaafar pada 18 April 1967 hingga kini.

Adat Istiadat Diraja Melayu – Kepentingan dan Pemakaiannya

Dari rentetan sejarah dan semenjak tertubuhnya institusi kerajaan beraja di Negeri-Negeri Melayu khususnya di Negeri Sembilan, saya percaya banyak adat istiadat, peraturan, majlis upacara dan sebagainya telah diadakan. Semuanya ini amatlah penting kita kaji dan pelihara terutama sekali dari segi penggunaan dan pemakaiannya dalam konteks budaya Melayu keseluruhannya.

Antara adat istiadat raja-raja Melayu yang dapat saya kutip sebagai perbandingan dengan adat istiadat Di Raja di Negeri Sembilan ialah adat istiadat yang diamalkan oleh Raja-raja Melayu Bugis di Riau, Johor, Pahang dan Selangor. Adat istiadat ini dipercayai telah dipusakai turun temurun semenjak zaman Sultan Iskandar Zulkarnain, diperturunkan kepada Sultan Iskandar Syah

(sultan bagi Kerajaan Melayu Melaka pertama) dan seterusnya kepada semua keturunan baginda, hingga ke hari ini.

1. Adat istiadat Bahasa Di Raja – perbahasan khas kepada raja-raja seperti titah, sabda, murka, kurnia, santap dll.

2. Adat Istiadat Pakaian (Tegahan):

- larangan pemakaian warna kuning Di Raja
- memakai pakaian nipis (seperti kain kasa) semasa di balairong atau kawasan istana atau sebarang majlis Di Raja
- tegahan ke atas orang biasa memakai berhulukan 'harubi emas berat sebungkal', pakaian sedondon

3. Adat Istiadat Menghadap Raja:

(a) Semasa di Balairong Seri atau tempat lain, sembah atau menjunjung duli hendaklah dihalakan kepada:

- Yang Di Pertuan Besar atau Sultan sahaja
- Yang Di Pertuan Muda atau Putera Mahkota sahaja.
- Dato Bendahara
- Dato Temenggong

(b) Adab dan tertib menyembah:

- Menyembah Yang Di Pertuan Besar / Sultan :
menyusun jari sepuluh – angkat kedua belah tangan hingga kedua hujung ibu jari jejak ke dahi hingga ke kening

- Bila memohon diri untuk keluar :
tidak boleh terus membelakangkan raja untuk terus keluar, tetapi sesudah menyembah undur tiga tapak ke belakang, berteleku duduk menyembah, bangun dan undur perlahan-lahan tiga tapak, baharulah berpaling keluar
- Menyembah Yang Di Pertuan Muda / Raja Muda / Putera Mahkota :
Jari sepuluh disusun, diangkat hingga hujung ibu jari jejak di hujung hidung.
- (c) Adab Bertutur di hadapan Raja:
Tidak boleh berkata-kata secara keras dan gaya atau rupa bengis

4. Adat Istiadat Istana, balai dan Pagar Kota Raja:

- orang kebanyakan tidak dibenarkan meniru bentuk binaan seperti : balai rong, sayap layang, pintu gerbang, tingkap panjang, perbalaian, rembah, geta dan penangahan dan serambi dua tingkat (perselasaran)

5. Adat Istiadat Masuk ke dalam balai atau Pagar Kota Raja:

- bila masuk kawasan istana pakaian hendaklah dalam keadaan sempurna.

6. Adat Istiadat Raja Berjalan:

- apabila raja berjalan mestilah didahului oleh seorang pembawa lembing kira-kira 10 – 12 depa di hadapan dengan lain-lain pengiring berjalan di belakang raja.
- Apabila seseorang terserempak dengan pembawa lembing, seseorang hendaklah berhenti dan duduk sehingga angkatan raja itu berlalu.

7. Adat Istiadat Berjalan di Jalan Raya:

- Sesiapa sahaja yang sedang berjalan-jalan dan menjumpai mereka yang tersebut di bawah ini hendaklah menyisih ke tepi, walau mereka itu anak raja atau pembesar iaitu Sultan atau Yang Di Pertuan Besar:

Yang Di Pertuan Muda

Bendahara

Temenggong

Tengku Besar

Perempuan yang sedang berjalan

Orang membawa mayat

Orang mengarak pengantin

Orang memikul beban berat

Orang buta

Kanak-kanak

Orang Gila

8. Adat Peraturan bagi Penghulu Istana:
- (a) Penghulu istana hendaklah menentukan kedudukan anak raja dan pembesar di majlis-majlis resmi di istana
 - (b) Permaisuri Sultan duduk di bahagian atas sekali
 - (c) Isteri datuk atau anak buah di kiri anak raja
 - (d) Orang kebanyakan duduk di serambi istana
9. Adat Istiadat Penghulu Balairong Seri:
- Tempat kedudukan semua anak-anak raja ialah di Seri Balai iaitu di sebelah atas mengikut tertib iaitu di atas sekali ialah anak raja berpangkat dalam negeri, diikuti oleh anak raja berpangkat di pinggir negeri dan diikuti pula oleh anak-anak raja ayahanda bergelar.
 - Kedudukan orang baik-baik dan anak mereka ialah di paseban balai sebelah kanan.
 - Sekelian haji dan lebai di paseban balai sebelah kiri
10. Adat Istiadat Sudun (sehidangan) di Balairong:
- Mereka yang boleh duduk sehidangan ialah Yang Di Pertuan Muda, Putera Mahkota dan Bendahara
 - Anak-anak Yang Di Pertuan Muda, Putera Mahkota dan anak Bendahara pula boleh duduk sehidangan.
- Anak-anak raja yang terlalu tua atau terlalu muda tidak terikat dengan peraturan adat istiadat di atas.

Berdasarkan kepada apa yang telah saya lakarkan di atas tadi, maka kita perlu memikirkan akan peri mustahaknya tradisi ini dikekalkan. Walau bagaimanapun seperti yang telah saya nyatakan di atas dan juga pandangan dari beberapa tokoh budayawan seperti Dato Sri Utama Tan Sri Abd. Samad Idris bahawa adat istiadat diraja boleh berubah atau diubahsuai mengikut kesesuaian zamannya, asalkan ianya boleh memberi manfaat kepada semua pihak.

Saya tidak dapat untuk memperincikan akan adat istiadat secara khusus dan seterusnya memberikan pandangan atau komen berdasarkan kacamata peribadi kerana adat istiadat Diraja adalah satu institusi yang telah diperundangkan. Satu penelitian khusus perlu dilakukan yang melibatkan semua pihak seperti pihak pemerintah, Dato-Dato Lembaga, tokoh-tokoh budayawan, orang perseorangan, pihak istana, Undang Yang Empat dan sesiapa sahaja yang difikirkan boleh memberikan pandangan yang adil dan saksama. Pendekatan yang sesuai dan tepat aperlunya difikirkan, umpama menarik rambut dari tepung. Hasil secara 'win win' juga perlu dicari.

Walaupun bagaimanapun mungkin terdapat beberapa aspek secara umum, hasil dari beberapa pandangan orang perseorangan termasuklah tokoh-tokoh budayawan setempat yang telah memikirkan bahawa sesuatu perlu dibuat bagi menentukan agar adat istiadat

Diraja tersebut terus kekal sampai bila-bila. Mungkin satu kertas kerja khusus perlu dihasilkan.

Antara aspek yang berkemungkinan perlu diberi perhatian ialah:


1. Pelaksanaan sesetengah aspek seperti cara-cara menyembah dan menjunjung duli kepada Sultan atau Paduka Seri Yang Di Pertuan Besar
2. Cara mengadap semasa Istiadat Kerjan Undang umpamanya :
Undang diminta mengadap dengan menapak / mengensot dari satu anak tangga ke satu anak tangga setinggi 7 tingkat dan kemudian mencium tangan Paduka Seri
3. Beberapa peralatan yang mungkin juga kurang sesuai dari aspek dan pandangan Islam seperti semasa istiadat pertabalan yang menggunakan batil yang menggunakan air bercampur darah, peluru, dll.

Itulah antara beberapa aspek yang mungkin perlu diberi perhatian bukan sahaja akan dapat mempertahankan ketahanan secara jangka panjangnya, tetapi juga terus diminati oleh golongan muda akan datang.

Dalam hal ini beberapa aspek perlu difikirkan bersama akan sensitiviti beberapa pihak agar adat istiadat diraja tersebut:

1. Tidak menyalahi syariat agama
2. Tidak membebankan – aspek kewangan dan pembiayaan
3. Mudah dilaksanakan
4. Tidak rigid
5. Digemari oleh semua golongan – tua, muda/ antara kaum
6. Mempunyai ciri-ciri menarik
7. Boleh dikomersialkan
8. Menarik
9. Bercirikan tempatan
10. Dan aspek-aspek lain yang difikirkan perlu diberikan pertimbangan untuk kebaikan bersama

Sekian untuk pandangan dan pemerhatian semua pihak



1. Tidak menyalahi syariat agama
2. Tidak membebankan – aspek kewangan dan pembiayaan
3. Mudah dilaksanakan
4. Tidak rigid
5. Digemari oleh semua golongan – tua, muda/ antara kaum
6. Mempunyai ciri-ciri menarik
7. Boleh dikomersialkan
8. Menarik
9. Bercirikan tempatan
10. Dan aspek-aspek lain yang difikirkan perlu diberikan pertimbangan untuk kebaikan bersama

Sekian untuk pandangan dan pemerhatian semua pihak

Rujukan:

1. A. Samad Ahmad, Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu), 1996
2. Yusof Iskandar, Dewan Bahasa, Jld. 24, Bil.9 September 1980 h. 60
3. A. Samad Ahmad, Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu), 1996 h. 26
4. Ibid, h. 70
5. Ibid, h. 153
6. Khoo Kay Kim, Negeri Sembilan : Dahulu dan Sekarang, h. 4
7. A. Samad Idris, Jurnal Warisan, Keluaran 8, 1983 h. 16
8. Ismail Hadi, Jurnal Warisan, Keluaran 20, 1997, h. 62
9. Nurhalim Ibrahim, Jurnal Warisan, Keluaran 21, 1998 h. 103

